



Good food, Good life

### **TERMA DAN SYARAT**

#### **A. Jadual bagi Syarat Penyertaan**

1. <b><u>Penganjur:</u></b>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966).																																				
2. <b><u>Promosi:</u></b>	CHECK IN 30 HARI NESCAFÉ X MOBILE LEGENDS: BANG BANG.																																				
3. <b><u>Tempoh Promosi:</u></b>	Promosi bermula jam 00:00:00 pada 01/09/2023 dan ditutup jam 23:59:59 pada 31/10/2023.																																				
4. <b><u>Kelayakan:</u></b>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk individu Malaysia dengan dokumen pengenalan yang sah, berumur 18 tahun dan ke atas yang sah pada permulaan Tempoh Promosi. Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.																																				
5. <b><u>Mekanik Promosi:</u></b>	Untuk memenangi hadiah MOBILE LEGENDS: BANG BANG (“MLBB”), peserta mesti melengkapkan satu set <b><u>Check IN selama 30 hari</u></b> di Laman Web CHECK IN 30 HARI NESCAFÉ X MOBILE LEGENDS: BANG BANG semasa Tempoh Promosi. Untuk maklumat lanjut sila layari: <a href="https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin">https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin</a> .																																				
6. <b><u>Produk Turut Serta:</u></b>	a. Produk Turut Serta NESCAFÉ adalah seperti yang tersenarai di bawah (“Produk”):  <table border="1"><thead><tr><th colspan="2">PRODUK NESCAFÉ TURUT SERTA</th></tr></thead><tbody><tr><td>1</td><td>NESCAFÉ ORIGINAL CAN 24X240ML</td></tr><tr><td>2</td><td>NESCAFÉ MOCHA 24X240ML</td></tr><tr><td>3</td><td>NESCAFÉ LATTE CAN 24X240ML</td></tr><tr><td>4</td><td>NESCAFÉ TARIK CAN 24X240ML</td></tr><tr><td>5</td><td>NESCAFÉ TARIK CAN 4(6x240ML)</td></tr><tr><td>6</td><td>NESCAFÉ ICE CAN 24 X 240ML</td></tr><tr><td>7</td><td>NESCAFÉ KOPI-O CAN 24x240ML</td></tr><tr><td>8</td><td>NESCAFÉ CHAM 24X240ML</td></tr><tr><td>9</td><td>NESCAFÉ KOPI-C 24X240ML</td></tr><tr><td>10</td><td>NESCAFÉ ICED CAPPUCCINO 500ML</td></tr><tr><td>11</td><td>NESCAFÉ ICED CAFFE LATTE 500ML</td></tr><tr><td>12</td><td>NESCAFÉ ICED CHOCOCINO 500ML</td></tr><tr><td>13</td><td>NESCAFÉ ORIGINAL CAN 4(6X240ML)</td></tr><tr><td>14</td><td>NESCAFÉ MOCHA CAN 4(6X240ML)</td></tr><tr><td>15</td><td>NESCAFÉ LATTE CAN 4(6X240ML)</td></tr><tr><td>16</td><td>NESCAFÉ DAIRY FREE OAT 225ML</td></tr><tr><td>17</td><td>NESCAFÉ DAIRY FREE ALMOND 225ML</td></tr></tbody></table>	PRODUK NESCAFÉ TURUT SERTA		1	NESCAFÉ ORIGINAL CAN 24X240ML	2	NESCAFÉ MOCHA 24X240ML	3	NESCAFÉ LATTE CAN 24X240ML	4	NESCAFÉ TARIK CAN 24X240ML	5	NESCAFÉ TARIK CAN 4(6x240ML)	6	NESCAFÉ ICE CAN 24 X 240ML	7	NESCAFÉ KOPI-O CAN 24x240ML	8	NESCAFÉ CHAM 24X240ML	9	NESCAFÉ KOPI-C 24X240ML	10	NESCAFÉ ICED CAPPUCCINO 500ML	11	NESCAFÉ ICED CAFFE LATTE 500ML	12	NESCAFÉ ICED CHOCOCINO 500ML	13	NESCAFÉ ORIGINAL CAN 4(6X240ML)	14	NESCAFÉ MOCHA CAN 4(6X240ML)	15	NESCAFÉ LATTE CAN 4(6X240ML)	16	NESCAFÉ DAIRY FREE OAT 225ML	17	NESCAFÉ DAIRY FREE ALMOND 225ML
PRODUK NESCAFÉ TURUT SERTA																																					
1	NESCAFÉ ORIGINAL CAN 24X240ML																																				
2	NESCAFÉ MOCHA 24X240ML																																				
3	NESCAFÉ LATTE CAN 24X240ML																																				
4	NESCAFÉ TARIK CAN 24X240ML																																				
5	NESCAFÉ TARIK CAN 4(6x240ML)																																				
6	NESCAFÉ ICE CAN 24 X 240ML																																				
7	NESCAFÉ KOPI-O CAN 24x240ML																																				
8	NESCAFÉ CHAM 24X240ML																																				
9	NESCAFÉ KOPI-C 24X240ML																																				
10	NESCAFÉ ICED CAPPUCCINO 500ML																																				
11	NESCAFÉ ICED CAFFE LATTE 500ML																																				
12	NESCAFÉ ICED CHOCOCINO 500ML																																				
13	NESCAFÉ ORIGINAL CAN 4(6X240ML)																																				
14	NESCAFÉ MOCHA CAN 4(6X240ML)																																				
15	NESCAFÉ LATTE CAN 4(6X240ML)																																				
16	NESCAFÉ DAIRY FREE OAT 225ML																																				
17	NESCAFÉ DAIRY FREE ALMOND 225ML																																				

		18	NESCAFÉ DAIRY FREE ALMOND 1L	
		19	NESCAFÉ LATTE CARAMEL 24X20X25G	
		20	NESCAFÉ LATTE CARAMEL 36X5X25G	
		21	NESCAFÉ LATTE HAZELNUT 24X20X24G	
		22	NESCAFÉ LATTE MOCHA 24X15X31G	
		23	NESCAFÉ LATTE MILK TEA 24X15X25G	
		24	NESCAFÉ LATTE SALTED CARAMEL ICE 24X15X11G	
		25	NESCAFÉ LATTE CHOCO HAZELNUT ICE 24X15X11G	
7. <b><u>Kaedah Penyertaan:</u></b>	a. Untuk menyertai Promosi, beli sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Enam (RM6) ("Pembelian Minima") mana-mana Produk dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai ("Resit") dan/atau invois dan/atau tangkapan skrin pesanan daripada mana-mana platform dalam talian ("Invois") semasa Tempoh Promosi.			
	b. <u>Resit outlet dalam kedai:</u>			
	i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem point-of-sale dan/atau resit bertulis untuk pembelian outlet dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicop dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.			
	ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor Resit, nama dan/atau logo outlet ("Butiran Resit").			
	c. <u>Invois Peniaga Dalam Talian:</u>			
	i. Invois boleh didapati dalam bentuk tangkapan skrin invois dan/atau pesanan dari mana-mana peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau rebat dan/atau baucar diskaun dan/atau baucar penghantaran dan/atau mana-mana diskaun lain, <u>jumlah bayaran akhir Produk</u> mestilah dengan pembelian minima dan ke atas untuk layak.			
	ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor pesanan dan/atau Invois dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian ("Butiran Invois").			
	d. Kaedah Check In adalah melalui <u>Laman Web Promosi</u> sahaja. <b>Setiap Resit dan/atau Invois unik HANYA layak untuk satu (1) penyerahan penyertaan untuk satu (1) set 30 hari Check In.</b> Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Resit dan/atau Invois dengan butiran yang tidak lengkap dan/atau dicetak semula, berulang, tidak boleh dibaca, Resit dan/atau Invois yang tidak jelas dan rosak tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.			
	e. <b><u>HARI 1 – Penyerahan Penyertaan dan Check In Hari 1</u></b> melalui Laman Web Promosi:			
	i. Lawati Laman Web Promosi: <a href="https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin">https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin</a> atau imbas kod			

	<p>QR yang ditunjukkan pada pembungkusan Produk dan/atau bahan komunikasi di Outlet yang turut serta.</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>ii. Pilih pilihan untuk menyertai <b><u>30 Hari Check In</u></b> dan lengkapkan Borang Web Check In.</li> <li>iii. Isikan semua butiran peribadi yang diperlukan termasuk <b>ID MLBB In Game &amp; ID Server</b> anda dan nombor mudah alih berdaftar Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi lanjut (“Butiran Peribadi”).</li> <li>iv. Tangkap satu (1) gambar/imej yang <u>jelas dan boleh dibaca</u> dalam format jpg atau jpeg atau png Resit dan/atau Invois lengkap dengan Butiran Resit dan/atau Invois (“Imej”).</li> <li>v. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Resit dan/atau Invois sahaja dan fail Imej mestilah kurang daripada 5MB.</li> <li>vi. Muat naik Imej pada Borang Web Peraduan dan hantarkan (“Penyertaan”).</li> <li>vii. Pengajur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan untuk setiap Penyertaan yang diterima.</li> </ul> <p>f. <b><u>HARI 2 ke HARI 30 – Check In melalui Laman Web Promosi:</u></b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>i. Lawati Laman Web Promosi: <a href="https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin">https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin</a> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada pembungkusan Produk dan/atau bahan komunikasi di Outlet yang turut serta.</li> <li>ii. Pilih pilihan untuk menyertai <b><u>30 Hari Check In</u></b> dan log masuk menggunakan Nombor Mudah Alih dan hantar (“Check In”).</li> <li>iii. Pengajur akan auto-balas dengan menghantar laporan perakuan untuk setiap Check In yang diterima.</li> </ul> <p>g. Pengajur akan mengekstrak semua Penyertaan dan Check In yang diterima untuk proses selanjutnya, pengesahan, kelayakan dan pengiraan sempurna sehingga 30 hari Check In. Pengajur berhak untuk membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau Imej yang mengandungi lebih daripada satu (1) Resit dan/atau Invois dan 30 hari Check In yang tidak mencukupi. Semua Penyertaan yang tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Pengajur tanpa sebarang notis lanjut kepada Peserta.</p> <p>h. Pengajur berhak untuk meminta salinan cetak Resit dan/atau Invois asal sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Resit dan/atau Invois asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.</p>
8. <b><u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></b>	Peserta mesti melengkapkan penyerahan Resit dan/atau Invois mereka dan melengkapkan 30 hari Check In pada atau sebelum jam 23:59:59 pada 31/10/2023. Semua Peserta yang tidak melengkapkan 30 hari Check In mereka semasa Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.

9. <u>Ganjaran:</u>	<p>a. Terdapat sejumlah satu ribu (1000) Ganjaran MLBB* bernilai USD25 setiap satu untuk dimenangi sepanjang Tempoh Promosi.</p> <p>*Untuk maklumat lanjut berkenaan Ganjaran MLBB, sila layari: <a href="https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin">https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin</a>.</p> <p>b. Ganjaran MLBB adalah terhad kepada <u>satu ribu (1000)</u> Peserta Layak pertama yang telah melengkapkan <u>set 30 hari Check In</u> mereka di Laman Web CHECK IN 30 HARI NESCAFÉ X MOBILE LEGENDS: BANG BANG semasa Tempoh Promosi.</p> <p>c. Sekiranya jumlah satu ribu (1000) Ganjaran MLBB telah ditebus sepenuhnya, Penganjur akan mengemas kini status dalam Laman Web Promosi.</p>
10. <u>Maklumat Pengadilan – Ganjaran:</u>	<p>a. Penganjur akan menyusun kira dan menjumlahkan bilangan Check In harian yang diterima untuk setiap Peserta Layak mengikut Nombor Mudah Alih dan mengganjarkan <u>satu ribu (1000)</u> Peserta Layak pertama yang telah melengkapkan <u>set 30 hari Check In</u> mereka.</p> <p>b. Setiap Peserta (mengikut nombor mudah alih unik) boleh di sepanjang Tempoh Promosi memenangi satu (1) set Ganjaran MLBB sepanjang Tempoh Promosi sahaja.</p> <p>c. Ganjaran MLBB akan dikreditkan oleh MOOTON GAMES ke Nombor ID MLBB Pemenang dan/atau nombor mudah alih dalam masa 4 – 6 minggu dari tarikh tutup Promosi. Penganjur dan MOOTON GAMES tidak akan bertanggungjawab jika mana-mana kod Ganjaran MLBB tidak dapat dihantar kepada Pemenang kerana sebarang perubahan atau perbezaan dalam Nombor ID MLBB yang diserahkan kepada Penganjur. Penggunaan Ganjaran MLBB tertakluk pada Terma &amp; Syarat MOOTON GAMES.</p> <p>d. Penganjur berhak untuk melanjutkan jangka masa dan menukar kaedah pemenuhan Ganjaran yang dinyatakan di bawah klausu ini mengikut budi bicara Penganjur. Semua Ganjaran yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur untuk kutipan Ganjaran akan dibatalkan.</p> <p>e. Penganjur mengekalkan hak untuk menggantikan mana-mana Ganjaran dengan barang lain yang sama nilai sekiranya Ganjaran asal yang ditawarkan tidak tersedia.</p>
11. <u>Terma Tambahan:</u>	<p>a. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya</p>

	<p>epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.</p> <p>b. Pengajur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengumpulkan hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.</p>
--	---

**Jadual bagi Syarat Penyertaan** ini mesti dibaca bersama dengan **Syarat Penyertaan dan Notis Privasi** yang boleh didapati di: <https://registration.nestle.com.my/nescafexmlbbcheckin>, secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

#### **B: Syarat-syarat Penyertaan**

##### **1. Pengenalan**

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang peranggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Pengajur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Promosi, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Promosi secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Promosi akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Pengajur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Promosi termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

##### **2. Penyertaan Promosi**

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Promosi ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Promosi ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Promosi ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

### **3. Kelayakan**

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Promosi ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

### **4. Ketidaklayakan**

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Promosi ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Promosi ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

### **5. Perlucutan Kelayakan**

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:

- (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau
  - (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.
- 5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:
- (a) menjelaskan, telah atau cuba menjelaskan perjalanan Promosi dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
  - (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Promosi ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.
- 5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

## 6. **Hadiah**

- 6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.
- 6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserah hak, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.
- 6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.
- 6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

- 6.5 Hadiah diberikan berdasarkan "keadaan seperti sedia ada". Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.
- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

## **7. Publisiti**

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Promosi (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan promosi mana-mana barang Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

## **8. Hak Milik Harta Intelek**

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Promosi ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta mengetepikan segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

## **9. Indemniti**

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit ) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Promosi, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Promosi ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

## **10. Had Liabiliti**

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Promosi ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang

ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Promosi ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

## **11. Am**

- 11.1 Pengajur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Promosi dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan promosi) berhubung dengan Promosi ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Promosi ini dan Pengajur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Pengajur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Pengajur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Pengajur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Promosi ini tidak akan mempengaruhi atau menjelaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Promosi yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Promosi ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Promosi ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

## **12. Notis Privasi**

- 12.1 Dengan menyertai Promosi, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Pengajur mengikut Notis Privasi di [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_policy/privacy\\_bm](https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm).
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in [https://www.nestle.com.my/info/privacy\\_notice](https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice).